

## SISTEM BACKUP & RESTORE

### PENGENALAN

Setiap pengguna komputer pastinya tidak dapat lari daripada berhadapan dengan masalah, tidak kira besar atau kecil. Masalah tersebut mungkin berkaitan dengan ralat perisian, komunikasi atau perkakasan. Mungkin modem, kad grafik, bekalan kuasa, cakera keras atau mungkin juga Windows XP yang anda gunakan. Dalam banyak-banyak masalah, bencana dari luarlah yang paling memeningkan kepala. Ancaman seperti pengodam, spam, virus dan cecacing makin menjadi masalah besar kepada pengguna PC tidak kira di rumah atau di pejabat.

Seiring dengan perkembangan teknologi, kini kita berkemampuan untuk menggunakan internet pada kadar kelajuan yang pantas. Namun terdapat segelintir manusia yang telah menyalahgunakan kelebihan tersebut. Ada dikalangan mereka yang begitu aktif menyebarkan virus, spyware, adware, mahupun riskware.

Sesebuah komputer yang telah dijangkiti ancaman tersebut akan lumpuh dari segi keupayaannya. Antara langkah yang boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah dengan cara memformat cakera keras anda dan melakukan proses pemasangan windows sekali lagi. Bayangkan berapa lama masa yang diperlukan untuk melakukan proses tersebut. Bagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan untuk melakukannya, menghantar ke kedai komputer adalah langkah yang akan dilakukan. Kos yang akan dikenakan adalah dalam anggaran RM50 dan ke atas.

Bagaimana dengan maklumat penting yang terdapat di dalam komputer anda? Terdapat beberapa kemungkinan yang akan berlaku.


1. Maklumat penting anda akan dicuri oleh juru teknik komputer yang tidak amanah di kedai komputer tersebut.
2. Maklumat penting hilang kerana cakera keras telah diformat.

Adalah menjadi satu kepentingan untuk anda melakukan sistem backup. Sama ada backup untuk sistem pengoperasian (Operating system) mahupun data. Di dalam bab ini, kami akan menerangkan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk melakukan backup dan restore pada saat-saat kecemasan.

Kaedah yang bakal diterangkan adalah kaedah umum di mana andaian dibuat bahawa anda menggunakan hanya satu cakera keras (*hard disk*). Kami juga mengandaikan anda menggunakan windows xp (tidak kira sama ada windows xp home atau professional edition).

Untuk melakukan proses backup ini, anda perlu mempunyai 2 partition. Adalah lebih baik sekiranya kedua-dua partition tersebut dari jenis yang sama. Kami mencadangkan supaya anda menggunakan partition dari jenis NTFS. Ini kerana partition jenis NTFS boleh menampung cakera keras bersaiz lebih besar.

Berikut adalah keadaan cakera keras komputer anda setelah mempunyai dua partition. Partition yang aktif adalah C: dan digunakan untuk memasang windows. Manakala extended partition pula adalah D:



Dalam contoh di atas, hard disk anda telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu C dan D. Partition C dilabelkan dengan winxp kerana dipasang dengan windows xp. Manakala partition D pula dilabelkan dengan Data kerana ianya mengandungi backup windows dan juga maklumat penting seperti dokumen, gambar dan sebagainya.

Untuk tujuan ini, anda boleh membina satu folder bernama osbackup ke dalam partition D. Seterusnya membina pula dua subfodler bernama B dan C ke dalam folder osbackup. Folder B akan digunakan untuk memasukkan windows asas berserta driver tanpa lain-lain aplikasi. Seterusnya folder C akan digunakan untuk menyimpan windows asas beserta driver dan lain-lain aplikasi berkenaan seperti Microsoft Office, Adobe Photoshop dan sebagainya.

Seterusnya anda memerlukan perisian Symantec Norton Ghost untuk melakukan proses backup. Sebenarnya anda hanya memerlukan sebuah fail yang bernama ghost.exe daripada pakej Symantec Norton Ghost. Seterusnya menyalin fail tersebut ke dalam win98 boot disk. Anda boleh pindah terima boot disk tersebut dari laman web ProTouch Expert di <http://www.protouchexpert.com> Pendaftaran diperlukan sebelum anda boleh mula pindah terima fail tersebut.

Untuk lebih memudahkan lagi tugas anda, kami telah membina Symantec Norton Ghost Boot Disk berdasarkan jenis FAT yang anda gunakan. Sekiranya kedua-dua partition yang digunakan adalah dari jenis FAT, anda perlu memindah terima (download) Symantec Norton Ghost Boot Disk FAT32. Begitu juga sebaliknya, jika anda menggunakan partition dari jenis NTFS, anda perlu memindah terima (download) Symantec Norton Ghost Boot Disk NTFS. Jika ingin melakukan proses backup dan restore secara manual, anda boleh pindah terima Symantec Norton Ghost Boot Disk sahaja.

Fail yang anda pindah terima adalah dalam format zip. Anda memerlukan perisian seperti winzip (<http://www.winzip.com>) atau winrar (<http://www.winrar.com>) untuk membuka fail tersebut. Setelah dibuka, format tersebut akan bertukar kepada format exe. Klik dua kali pada fail tersebut, anda akan diminta supaya memasukkan sekeping disket kosong. Kandungan di dalam disket tersebut akan dipadam dan digantikan dengan fail boot disk beserta ghost.exe.

Untuk kesan yang lebih baik. Kami mencadangkan anda membuat backup sebaik sahaja selepas memformat dan memasang windows beserta perisian driver. Ini kerana komputer yang baru lepas diformat dan dipasang windows adalah dalam keadaan yang baik.

Masukkan Symantec Norton Ghost Boot Disk ke dalam pemacu disket dan restart komputer anda. Pastikan seting di dalam BIOS telah ditetapkan supaya mula proses boot dari floppy disk. Pada kebiasannya, seting dari kilang BIOS adalah supaya boot dari floppy disk.

Setelah komputer anda dimulakan dari floppy disk, skrin komputer akan memaparkan 4 menu berikut:

1. Restore Windows To Hard Disk (Basic)
2. Restore Windows To Hard Disk (Complete)
3. Backup Windows From Hard Disk (Basic)
4. Backup Windows From Hard Disk (Complete)

Menu di atas akan dipaparkan dalam masa 10 saat. Sekiranya anda tidak membuat sebarang pilihan, Boot disk ini mengandaikan anda ingin melakukan proses restore kerana komputer anda mempunyai masalah. Ia akan mengambil fail backup di dalam partition kedua (D). Seterusnya terus melakukan proses pada pilihan kedua iaitu "restore windows to hard disk (complete)". Bergantung kepada saiz data yang terdapat dalam fail image, sistem restore akan dimulakan. Pada kebiasannya, jika anda menggunakan komputer pentium 4 dengan ingatan 256MB dan data sebanyak 3GB. Ianya akan mengambil masa lebih kurang 10 minit untuk proses restore sempurna.

Sebelum anda membuat pilihan pertama dan kedua. Pastikan anda telah melakukan proses pada pilihan ketiga dan keempat. Pilihan ketiga hanya perlu dilakukan sekali sahaja. Fail tersebut tidak perlu diusik lagi oleh anda. Berikut diberikan satu senario bagaimana anda akan menggunakan pilihan tersebut.

#### **Senario Pertama:**

Setelah selesai memasang windows yang baru beserta driver untuk hardware dan perisian antivirus, restart komputer anda dan ambil pilihan ketiga dengan menggunakan kekunci anak panah ke bawah. Seterusnya restart komputer anda sekali lagi dan ambil pula pilihan ke empat. Kini terdapat dua fail backup di dalam komputer anda. Kandungan kedua-dua fail tersebut adalah sama pada masa kini.

Senario kedua.

Setelah menggunakan komputer sekian lama. Anda mendapati prestasi komputer anda semakin perlahan dan terdapat begitu banyak pop up yang keluar semasa melayari internet. Shut down komputer anda dan dapatkan Symantec Norton Ghost Boot Disk. Masukkan ke dalam pemacu disket dan hidupkan komputer anda.

**Nota: Pastikan anda telah menyalin kesemua maklumat penting ke dalam pemacu D.**

Pastikan anda membuat pilihan pertama iaitu "restore windows to hard disk (basic)". Setelah berbuat demikian, tinggalkan komputer sehingga proses restore selesai. Ikuti arahan pada skrin komputer.

Setelah selesai proses restore, komputer anda akan kembali kepada keadaan seperti baru di format. Segala virus, adware dan sebagainya telah hilang. Mana-mana program yang dipasang sebelum ini akan hilang dan digantikan dengan fail backup yang dibuat terdahulu. Kini anda perlu pasang semula mana-mana program yang anda perlukan dan kemaskini maklumat antivirus anda. Setelah selesai semuanya, masukkan disket Symantec Norton Ghost Boot Disk dan restart komputer anda. Kali ini anda perlu membuat pilihan untuk menu nombor empat sahaja.

Seterusnya, selepas daripada ini, sekiranya komputer anda dijangkiti oleh virus atau bermasalah. Anda hanya perlu memasukkan disket Symantec Norton Ghost Boot Disk dan biarkan komputer membuat pilihan nombor 2 secara automatik. Windows yang rosak atau dijangkiti virus akan digantikan dengan backup anda yang terkini.

Semoga nota ini dapat membantu anda semua dalam menyelesaikan masalah komputer tanpa perlu memanggil juru teknik komputer atau mengeluarkan duit poket sendiri ataupun mengambil masa yang lama untuk membaiki sendiri kerosakan.

Sebarang masalah boleh diajukan kepada [yedshah@gmail.com](mailto:yedshah@gmail.com)

Ikhlas  
Shah  
ProTouch Expert  
019-224 7783